



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**  
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT**  
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40503, SHAH ALAM, SELANGOR  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. : AR1991



## KERATAN AKHBAR

31 January 2016

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Segera bayar tunggakan air
Muka Surat	:	42

# Segera bayar tunggakan bil air

**SHAH ALAM** - Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) mengingatkan pengguna menjelaskan bayaran tunggakan bil air untuk mengelakkan bekalan dipotong pada Operasi Bil Air Tertunggak bermula 1 Februari ini.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporat Kumpulan Pengurusan Air Selangor, Amin Lin Abdullah berkata, pihaknya akan menjalankan operasi pemotongan bekalan air di premis di kawasan Petaling, Kuala Lumpur, Hulu Selangor, Sabak Bernam, Sepang, Hulu Langat, Kuala Langat, Klang/Shah Alam, Kuala Selangor dan Gombak.

"Caj pemotongan RM35 (tidak termasuk GST) dan caj penyambungan semula RM35 (tidak termasuk GST) akan dikenakan seperti yang diwartakan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) di bawah Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (AIPA 2006), iaitu Peraturan-Peraturan Industri Perkhidmatan Air (Deposit, Fi dan Caj Perkhidmatan Air) 2014," katanya dalam satu kenyataan.